

ANALYSIS OF THE CONSTRUCTION OF QAWL MUKTAMAD (FINAL OPINION) IN SHAFI'I MADHHAB

ANALISIS PEMBENTUKAN PENDAPAT MUKTAMAD DALAM MAZHAB SHAFI'I

Syed Shahridzan Syed Mohamed Ben-Agiliⁱ & Mohd Hapiz Mahaiyadinⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Ph.D, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. syedshahridzan@gmail.com

ⁱⁱ Senior Lecturer, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. mohdhapiz659@uitm.edu.my

Abstract	<i>This paper will analyze the construction of Shafi'i madhhab (school of thought) mainly on the development of qawl muktamad (final opinion) which eventually become the official fatwa (religious verdict) of the madhhab. The decision-making process to arrive at the selection of qawl muktamad for the Shafi'i madhhab was a long process encompassing from the time of Salaf al-Salih (the Pious Predecessor) and was continued throughout generations until the 13th century of Hijrah (Islamic Calendar). The process to select the qawl muktamad among the scholars of Shafi'i mazhab can be divided into four periods, namely, the period of establishment, the period of narration, the period of copy-edit, and the period of stability when the Shafi'i mazhab becomes matured. The analysis in this research is based upon the authentic books of Shafi'i madhhab by al-Rafi'i, al-Nawawi, Ibn Hajar al-Haytami, al-Ramli, including the contemporary researchers of the madhhab. Two methods will be used in this research. Firstly, conceptual analysis is to investigate the germination of fatwa in the Shafi'i madhhab. Secondly, Relational or semantic analysis is to research the tahqiq (verification process) of numerous fatwas during the four periods. These two methods will prove how a fatwa is officially attached to a madhhab, even in the existence of differences of opinion which can be found in major Shafi'i fiqh (Islamic jurisprudence) texts. These seemingly contradictions can lead to confusion among some readers. Hence, the confusion of which fatwa is the qawl muktamad of Shafi'i madhhab can be put into rest. Indirectly, this writing will develop a proof regarding the glory of Islamic civilization in promoting critical thoughts that are based on dalil aqli (intellect source) and dalil naqli (transmitted textual source), rapidly develop since 1,300 years ago.</i> Keywords: Madhhab, Opinion, Shafi'iyyah, Differences, Development.
Abstrak	<i>Kajian ini akan menganalisis pembinaan mazhab Shafi'i terutama dalam aspek pembentukan pendapat muktamad yang menjadi fatwa rasmi dalam mazhab tersebut. Pembentukan atau penentuan pendapat muktamad mazhab Shafi'i telah melalui proses yang lama dalam pelbagai peringkat, bermula dari generasi yang terawal (salaf) dan diwarisi generasi ke generasi sehingga ke kurun tiga belas Hijrah. Kajian ini memfokuskan kepada proses penentuan pendapat yang muktamad dalam kalangan fuqaha Shafi'iyyah bermula pada zaman pengasasan, periwayatan, penyuntingan dan kestabilan mazhab Shafi'i. Analisis kajian ini dibuat terhadap kandungan teks daripada sumber rujukan mazhab Shafi'i yang autentik oleh al-Rafi'i, al-Nawawi, Ibn Hajar al-Haytami, al-Ramli dan pengkaji mazhab Shafi'i kontemporari. Dua jenis kaedah analisis</i>

	kandungan telah digunakan. Pertama, analisis konseptual yang membuat penelitian terhadap percambahan fatwa dalam mazhab Shafi'i. Kedua, analisis relational atau semantik yang mengkaji pentahkikan pelbagai fatwa pada empat fasa pembinaan mazhab Shafi'i. Melalui proses tersebut, kajian ini menunjukkan bagaimana suatu fatwa disandarkan kepada mazhab secara rasmi walaupun terdapat perbezaan pandangan dalam kitab-kitab fiqh Shafi'i muktabar yang mungkin mengelirukan sesetengah pembaca. Secara tidak langsung, kekeliruan pembaca tentang fatwa yang muktamad mazhab Shafi'i dapat diselesaikan. Di samping itu, kajian ini turut membuktikan bahawa proses pembentukan pendapat tersebut merupakan salah satu bukti kecemerlangan umat Islam dalam membentuk tamadun pemikiran yang kritis berpandukan wacana aqli dan naqli yang berkembang pesat semenjak 1300 tahun yang lalu. Kata kunci: Mazhab, Pandangan, Shafi'iyah, Khilaf, Pembentukan.
--	--

PENDAHULUAN

Perkataan mazhab berasal daripada bahasa Arab. Menurut Ibnu Manzur (1993), *mazhab* atau jamaknya *madhahib* bermaksud sesuatu yang dituju atau dijadikan pegangan (*ma yudhhabu ilayhi*). Izz al-Din al-Tamimi (1990) menjelaskan sebutan mazhab Shafi'i mencakupi rumusan pemikiran imam al-Shafi'i termasuk doktrin dan juga metodologi ijtihad beliau dalam pengkajian al-Quran dan Sunnah, dan aliran pemikiran fiqh yang berkembang pada zamannya. Istilah mazhab Shafi'i turut meliputi segala penulisan dan pandangan hukum yang dihasilkan para murid dan pengikut imam al-Shafi'i, berlandaskan manhaj ilmiah beliau.

Mazhab-mazhab fiqh boleh dirumuskan sebagai segala hukum dan fatwa para ulama yang dipegang serta diamalkan oleh para pengikut mereka. Mazhab juga boleh dianggap sebagai institusi pengajaran hukum syarak. Sementara fuqaha sesebuah mazhab ialah kumpulan pakar hukum yang mengkaji, menyelidik dan menyampaikan fatwa hukum syarak berdasarkan kaedah dan metodologi ijtihad mazhab fiqh berkenaan.

Mazhab fiqh lahir daripada proses perkembangan hukum Islam yang ditekuni oleh para fuqaha muktabar dalam usaha memahami tuntutan nas al-Quran dan sunah. Jika diperhatikan, setiap mazhab akan berpenghujung kepada pengajaran para sahabat seperti Abu Bakar, Umar, Ali, Zayd ibn Thabit, Ibn Abbas, Ibn Umar, Ibn Mas'ud, dan para umm al-mu'minin yang merupakan sebaik-baik manusia (*khayr al-nas*) (Mohd Hapiz, 2017) pada zaman Rasulullah sepertimana digambarkan dalam hadis berikut:

{ خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ }

Maksudnya, "Sebaik-baik manusia ialah pada kurunku (para sahabat) kemudian generasi selepas itu (*tabi'in*), kemudiannya generasi selepas itu (*tabi' tabi'in*)" (Hadis. Al-Bukhari. Bab fada'il ashab al-nabiyy saw. 3651; Muslim. Bab fadl al-sahabah thumma allazina yalunahum. 2533).

Bagi golongan awam, amalan bertaklid dan juga bertalfiq kepada sebuah mazhab, boleh diibaratkan sebagai suatu cara mudah untuk melaksanakan hukum Islam secara sistematik. Adapun bagi ulama, kepelbagaian pandangan mazhab merupakan suatu khazanah fiqh yang bernilai untuk kajian tentang kaedah ijtihad dan proses penelitian hukum yang dijalankan para fuqaha silam. Maka mazhab Shafi'i termasuk mazhab-mazhab fiqh lain merupakan sebuah institusi yang diikuti oleh para ulama dan juga orang awam untuk mendalami, menguasai prinsip, nilai dan maqasid syariat Islam dan seterusnya melaksanakan hukum hakam yang dirumuskan.

DEFINISI MUKTAMAD

Kalimah muktamad berasal daripada bahasa Arab iaitu kata kerja *i'tamada* yang memberi makna tunduk kepada sesuatu dan cenderung kepada sesuatu (Ibn Durayd, 1987). Menurut al-Razi (1999), *i'tamada* memberi makna bersandar kepada sesuatu.

Manakala dari sudut istilah pula, al-Allamah Abdullah bin Abu Bakar al-Khatib al-Tarimi (Al-Thaqafi, 2014), seorang mufti mazhab Shafi'i di Tarim, Yaman mendefinisikannya seperti berikut:

المعتمد هو الراجح الذي عليه المعول في الفتوى من المذهب، ومقابله مرجوح غير معتمد في الفتوى والحكم، وقد يكون من مسائل القولين أو الأقوال للشافعي رضي الله عنه، وقد يكون من مسائل الوجهين أو الأوجه للأصحاب، أو من آثار المتأخرين واحتمالاتهم.

Maksudnya, "Muktamad adalah pendapat rajih yang menjadi pegangan fatwa dalam mazhab. Manakala pendapat yang sebaliknya adalah tidak rajih iaitu tidak muktamad dalam fatwa dan hukum. Ia (pendapat muktamad) juga terdiri daripada beberapa masalah dua qawl Shafi'i RA atau lebih. Pendapat muktamad turut terdiri daripada beberapa masalah (yang lahir daripada) dua wajah (pendapat) atau lebih daripada kalangan ashab, atau terdiri daripada kajian-kajian ulama muta'akhirin dan penyelesaian-penyelesaian masalah daripada mereka".

Berdasarkan definisi yang dilampirkan di atas, ternyata maksud muktamad adalah pendapat yang paling kuat atau rajih berbanding beberapa pendapat yang lain dalam mazhab Shafi'i. Dengan kata lain, perkataan muktamad dalam mazhab Shafi'i juga digambarkan dengan beberapa istilah yang lain, antaranya *al-madhhab*, *al-azhar*, *al-asahh* dan *al-awjah* (al-Thaqafi, 2014).

FASA DAN PERINGKAT PEMBENTUKAN PENDAPAT MUKTAMAD

Perbezaan pendapat yang berlaku dalam mazhab Shafi'i boleh dikategorikan dalam pelbagai jenis sepertimana yang dinyatakan dalam definisi pendapat muktamad. Menurut Ali Jum'ah (1978), kepelbagaian pendapat tersebut memerlukan kepada pertarjihan iaitu pemilihan pandangan yang paling kuat antara pandangan-pandangan yang ada yang boleh dikaitkan dengan beberapa fasa seperti yang berikut:

- i. Fasa pengasasan mazhab (*ta'sis*).
- ii. Fasa periwayatan mazhab (*naql*).
- iii. Fasa suntingan mazhab (*tahrir*).
- iv. Fasa kestabilan mazhab (*istiqrar*).

Fasa yang disenaraikan di atas menunjukkan pembentukan pendapat muktamad mengambil masa yang cukup panjang, bermula daripada zaman pengasas mazhab iaitu imam Shafi'i dan murid-murid beliau sehingga zaman kestabilannya sebagai sebuah mazhab yang terkemuka dalam dunia Islam. Proses ini tidak akan dapat difahami dengan jelas melainkan diberi pencerahan secara adil pada setiap peringkat beserta contoh-contoh yang sesuai untuk menambahkan lagi pemahaman perjalanan pembentukan mazhab ini.

Fasa Pengasasan Mazhab (Ta'sis)

Dunia Islam menyaksikan pada kurun pertama dan kurun ke 2 Hijrah kemunculan pelbagai mazhab fiqah yang besar peranannya terhadap cetusan ilmu dan kebudayaan falsafah umat Islam dalam mendepati isu-isu yang melibatkan hukum hakam. Isu-isu seperti ini memerlukan perincian yang diambil daripada al-Quran, sunnah Rasulullah SAW, amalan para sahabat, ijmak dan qiyas. Antara mazhab yang menyerlah kemunculannya ialah mazhab imam Abu Hanifah dan mazhab umam Malik bin Anas. Setelah itu muncul satu lagi mazhab yang setanding kedudukannya dengan mazhab-

mazhab sebelum ini, iaitu mazhab fiqah yang diasaskan oleh Imam Muhammad bin Idris al-Shafi'i.

Berdasarkan rekod latar belakang pendidikan imam al-Shafi'i yang menuntut ilmu dengan Imam Malik dan Imam Muhammad bin al-Hasan, kedua-duanya telah memberikan kesan terhadap potensi dan kemahiran beliau dalam menyelesaikan isu-isu fiqah, maka rentetan daripada itu, telah terbina sebuah pemikiran mazhab Shafi'i tersendiri yang mempamerkan metodologi yang berbeza dengan guru-guru beliau sebelum itu (Ali, 1978).

Menurut al-Qawasimi (2012), pembentukan pemikiran Imam al-Shafi'i dalam meletakkan batu asas mazhabnya bukan hanya terkesan dengan metod pemikiran Imam Malik dan anak-anak murid Imam Abu Hanifah, malah kajian beliau terhadap fiqah mazhab imam al-Awza'i dan imam al-Layth bin Sa'ad menyerlahkan lagi kemahiran beliau dalam anjakan pemikiran kritis beliau dalam bidang fiqah. Nahrawi (1988) menegaskan, bertitik tolak daripada itu mazhab Imam al-Shafi'i dikenali sebagai mazhab yang meraikan metod ahli hadith dan ahli ra'y.

Qawl Imam al-Shafi'i

Qawl Imam al-Shafi'i merujuk kepada kata-kata imam al-Shafi'i yang terdiri daripada fatwa-fatwa beliau terhadap sesuatu permasalahan fiqah (al-Thaqafi, 2014: 61). Qawl imam ini merupakan batu asas yang menjadi tunjang dalam membentuk mazhab Shafi'i. Namun begitu perubahan sesuatu pendapat tidak dapat lari daripada para imam mujtahid termasuklah imam al-Shafi'i sendiri yang banyak fatwanya telah diubah daripada masa ke semasa atas faktor penyelarasan fatwa-fatwa (Ali, 1978). Kesan perubahan fatwa tersebut melahirkan pendapat lama (*qawl qadim*) dan pendapat baharu (*qawl jadid*) di sisi imam al-Shafi'i.

Ibn Hajar al-Haytami (1983) menjelaskan perbezaan antara *qawl qadim* dengan *qawl jadid* seperti berikut:

الجديد وهو ما قاله الشافعي -رضي الله عنه- بمصر ومنه المختصر والبوطي والأُم خلافاً لمن شذ. وقيل ما قاله بعد خروجه من بغداد إلى مصر فالتسم وهو ما قاله قبل دخولها ومنه كتابه الحجة

Maksudnya, "Qawl jadid adalah apa yang difatwakan oleh al-Shafi'i RA di Mesir, antaranya (apa yang tercatat) dalam al-Mukhtasar, al-Buwayti dan al-Umm iaitu berlainan bagi sesiapa yang shazz. Menurut pendapat lain, ia (qawl jadid) adalah apa yang difatwakan oleh beliau selepas keluar dari Baghdad ke Mesir. Manakala qawl qadim adalah apa yang difatwakan oleh beliau sebelum keluar darinya (Baghdad), antara kitabnya ialah al-Hujjah".

Daripada kenyataan di atas, jelas bahawa *qawl qadim* adalah fatwa imam Shafi'i sebelum beliau berhijrah ke Mesir, sementara *qawl jadid* adalah fatwa yang dikeluarkan oleh imam Shafi'i ketika di Mesir.

Fatwa berasaskan *qawl qadim* dicatatkan dalam kitab *al-Hujjah* yang dikarang oleh imam al-Shafi'i ketika berada di Iraq, manakala *qawl jadid* pula dicatatkan dalam kitab berjudul *al-Umm*. Namun, *qawl qadim* imam al-Shafi'i telah dimansuhkan dengan *qawl jadid*. Justeru fatwa *qadim* adalah pandangan yang dimansuhkan dengan fatwa yang baru (al-Kurdi, 2011).

Menurut al-Kurdi (2011), sebarang pertentangan fatwa imam al-Shafi'i ketika di Iraq dan di Mesir, maka yang mesti diamal sebagai pendapat yang muktamad iaitu pendapat *jadid*. Ini kerana pendapat *qadim* telah dibatalkan oleh beliau sendiri. Oleh itu, pendapat yang dikeluarkan sebelum imam al-Shafi'i masuk dan berhijrah ke Mesir tidak boleh difatwakan lagi. Semasa di Mesir, beliau melakukan penilaian semula terhadap beberapa keputusan ijtihadnya di Iraq dahulu. Berdasarkan analisis terhadap kitab *Minhaj al-Talibin*, Lahmuddin Nasution (2001) menegaskan perubahan fatwa daripada *qawl qadim* kepada *qawl jadid* sangat banyak iaitu terdapat tidak kurang daripada 66 kes.

Namun begitu terdapat juga pendapat-pendapat lama (*qawl qadim*) imam al-Shafi'i telah ditarhkan oleh fuqaha Shafi'iyah dalam kalangan *Ashab al-Wujuh* (fuqaha Shafi'iyah kurun keempat dan kelima Hijrah). Terdapat lebih kurang dua puluh ke tiga

puluh fatwa *qadim* telah ditarjih (Ibn al-Salah, 2002). Menurut Ibn al-Salah (2002), pentarjihan *Ashab al-Wujuh* bukanlah pendapat rasmi dan muktamad mazhab, namun ia adalah ijtihad mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, al-Nawawi (t.th) menegaskan beberapa beberapa fatwa *qadim* yang ditarjih oleh fuqaha Shafi'iyah yang disokong oleh hadis sahih dikira sebagai mazhab Imam al-Shafi'i kerana kekuatan dalilnya, sekaligus menjadi pendapat muktamad dalam mazhab. Kenyataan al-Nawawi ini selaras dengan kata ucapan yang diungkapkan oleh imam al-Shafi'i, "*Jika sesuatu hadith itu sahih maka itulah mazhabku*" (Al-Saqqaf, 2004).

Menurut Muhammad al-Zuhayli (2011), pandangan imam al-Shafi'i sendiri terdapat banyak bentuk. Adakalanya terdiri daripada dua pendapat *qadim*, atau dua *qawl jadid*, atau *qawl qadim* dan *jadid*. Terdapat keadaan di mana Imam Shafi'i berfatwa dalam satu masa dengan dua *qawl* dan adakalanya dua *qawl* pada dua waktu yang berbeza, terdapat *qawl-qawl* beliau ditarjihkan dan ada juga yang tidak ditarjihkan. Kenyataan ini menunjukkan masih terdapat pandangan Imam Shafi'i yang tidak ditarjihkan kerana sekalipun *qawl-qawl* itu difatwakan dalam masalah yang sama tetapi dalam konteks dan situasi yang berbeza. Oleh itu, setiap *qawl* itu dikekalkan dengan situasi-situasi masing-masing.

Kesimpulan dari fasa ini, proses pentarjihan dan pemilihan antara pandangan-pandangan imam al-Shafi'i dilaksanakan oleh *Ashab al-Wujuh* dan para pentahkik (*muhaqqiqun*) mazhab bagi menetapkan pendapat muktamad di dalam mazhab. Proses pembentukan awal mazhab Shafi'i hanya melibatkan *qawl-qawl* imam Shafi'i sendiri yang sebahagiannya wujud kontradiksi antara satu sama lain, sama ada antara *qawl qadim* dan *qawl jadid* mahupun antara dua *qawl jadid*.

Kedudukan Kitab al-Umm dalam Mazhab Shafi'i

Kitab *al-Umm* ditulis oleh imam al-Shafi'i beberapa tahun sebelum berhijrah ke Mesir iaitu ketika beliau masih berada di Iraq lagi. Kitab *al-Umm* merupakan himpunan risalah-risalah yang ditulis oleh Imam al-Shafi'i ketika di Baghdad kemudian dirombak semula sebaik sahaja beliau tiba di Mesir (Abd al-Hamid, 2008).

Menurut Abu Zahrah (1978), kitab *al-Umm* pada asalnya kitab yang dinamakan sebagai *al-Hujjah* atau dinamakan sebagai *al-Mabsut* oleh Ibn al-Nadim dalam karyanya *al-Fihris*, kemudian kitab ini dinamakan sebagai *al-Umm* apabila imam al-Shafi'i merombaknya daripada pandangan yang lama kepada yang baharu. Dengan ini kitab *al-Umm* merupakan fiqh dan ijtihad imam al-Shafi'i pada permasalahan hukum syarak dan juga merupakan *qawl jadid* beliau dalam mazhabnya.

Suatu hal yang perlu disedari ialah rombakan pandangan atau fatwa bukan suatu yang pelik kerana kebanyakan para ulama mujtahid termasuk imam al-Shafi'i melakukannya. Malah terdapat sesetengah imam mujtahid seperti imam Ahmad ibn Hanbal memiliki lebih daripada dua fatwa dalam satu-satu masalah (Al-Mardawi, t.th). Meskipun fatwa-fatwa terbaharu beliau tercatat dalam kitab *al-Umm*, tidak bermakna imam al-Shafi'i masih tidak merubah fatwa-fatwa baharu beliau di Mesir. Terdapat banyak bukti menunjukkan imam al-Shafi'i turut melakukan banyak perubahan fatwa-fatwa baharunya di Mesir dengan pandangan lain lebih terkini di samping mempunyai beberapa *Qawl* dalam satu-satu masalah (Jughaym, 2007).

Para pengkaji sejarah para imam mujtahid akan mendapati bahawa penghasilan sesebuah kitab muktabar memerlukan masa yang panjang, meskipun sesuatu karya tersebut mungkin berjaya disiapkan dalam masa yang singkat. Namun proses penambahbaikan tetap diteruskan oleh penulis sendiri. Sebagai contoh, imam Malik bin Anas telah mengambil masa 11 tahun untuk mengarang kitab *al-Muwatta'*. Usaha tersebut tidak terhenti setakat itu sahaja. Malah imam Malik senantiasa menapis dan menyaring kitab tersebut sehingga beliau meninggal dunia (Hamdan, t.th).

Keadaan yang sama berlaku kepada imam al-Shafi'i. Para ulama bersikap optimis bahawa imam al-Shafi'i pasti akan melakukan banyak rombakan terhadap kitab *al-Umm*

jika ditakdirkan umurnya panjang berdasarkan bukti beliau telah merubah fatwa baharu di Mesir dengan fatwa lebih terkini. Kewafatan imam al-Shafi'i pada usia yang muda menjadi salah satu faktor yang menyebabkan kesemua rombakan fatwa beliau tidak dapat dicatat oleh beliau sendiri dalam kitab *al-Umm*. Meskipun tidak dicatat, tetapi perubahan-perubahan fatwa terkini beliau diriwayatkan oleh anak-anak muridnya.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa bukan semua fatwa imam al-Shafi'i dalam kitab *al-Umm* adalah terkini dan muktamad. Hal ini dibuktikan dengan pelbagai komentar oleh al-Rabi' al-Muradi, anak murid al-Shafi'i yang mendatangkan riwayat-riwayat lain daripada gurunya (Abd al-Hamid, 2008). Malah kewujudan dua kitab iaitu *Mukhtasar al-Buwayti* dan *Mukhtasar al-Muzani* juga menjadi bukti yang kukuh tentang percambahan terhadap fatwa-fatwa dalam *al-Umm* yang terdapat beberapa pertentangan antara ketiga-tiga buku tersebut (Lihat contoh dalam Rajah 1 dan 2).

Oleh kerana itu, banyak pertentangan yang sangat kontradik antara fatwa-fatwa baharu imam al-Shafi'i sendiri, sehingga tidak dapat dibezakan pendapat mana yang muncul terkemudian tambahan pula muncul *qawl-qawl mukharraj*¹ yang dinisbahkan kepada imam al-Shafi'i sama ada yang selari dengan usul mazhab atau yang dikategorikan pelik (*shazz*). Rentetan itu, kepentingan dalam mentarjihkan *qawl-qawl* dalam mazhab seperti yang dilakukan oleh para pentahkik mazhab Shafi'i sangat diperlukan (Al-Qawasimi, 2013).

Perlu diingat juga, *al-Umm* bukan sebuah kitab yang baru dikarang oleh al-Shafi'i di Mesir, sebaliknya ia merupakan himpunan risalah-risalah imam Shafi'i yang ditulis semenjak di Iraq lagi kemudian dirombak dan diperhalusi di Mesir (Abu Zahrah, 1978). Oleh itu terdapat kemungkinan terdapat cebisan fatwa-fatwa lama beliau masih lagi tercatat yang belum sempat dirombak secara penulisan. Faktor ini juga yang menyebabkan bahawa tidak semua fatwa dalam *al-Umm* bukan pandangan muktamad dalam mazhab Shafi'i. Sebagai contoh hukum anggota manusia yang terputus, imam al-Shafi'i menyatakan bahawa mana-mana anggota tubuh badan manusia yang terpisah daripada tuannya ketika hidup dihukum sebagai najis dan tidak boleh dimanfaatkan sama sekali (Lihat rajah 1).

Rajah 1: Hukum Anggota Badan Yang Terpisah

Sumber Fatwa	Pernyataan Status
Al-Shafi'i (1990) dalam kitab <i>al-Umm</i>	وإذا كسر للمرأة عظم فطار فلا يجوز أن ترقعه إلا بعظم ما يؤكل لحمه ذكياً وكذلك إن سقطت سنة صارت ميتة فلا يجوز له أن يعيدها بعد ما بانث فلا يعيد سن شيء غير سن ذكي يؤكل لحمه. وإن رقع عظمه بعظم ميتة، أو ذكي لا يؤكل لحمه أو عظم إنسان فهو كالميتة فعليه قلعه وإعادة كل صلاة صلاها وهو عليه. Maksudnya: "Jika tulang seorang perempuan patah lalu hilang, maka dia tidak boleh membaiki (menyambung) ia melainkan dengan tulang yang dimakan dagingnya yang telah disembelih. Begitu juga jika terjatuh giginya maka gigi itu menjadi bangkai, maka dia tidak boleh mengembalikan ia (memasang) semula setelah ternyata ia tercabut. Dia tidak boleh menyambung melainkan dengan gigi binatang boleh dimakan dagingnya yang melalui penyembelihan. Jika seseorang itu membaiki (menyambung) tulangnya dengan tulang bangkai atau binatang yang disembelih tetapi tidak halal dagingnya untuk dimakan atau tulang manusia, maka (hukum)nya seperti bangkai dan dia wajib menanggalkannya dan mengulangi semua solat yang telah dia kerjakan sebelum ini dan ia diwajibkan ke atasnya".

¹ Penghasilan pandangan atau ijtihad yang dirumuskan daripada lafaz fatwa atau nas imam al-Shafi'i yang sedia ada berdasarkan prinsip dan kaedah ijtihad mazhab Shafi'i.

Al-Nawawi (t.th) dalam kitab <i>al-Majmu'</i>	لو انقلعت سنه فردها موضعها قال أصحابنا العراقيون لا يجوز لأنها نجسة وهذا بناء على طريقتهم أن عضو الآدمي المنفصل في حياته نجس وهو المنصوص في الأم ولكن المذهب طهارته وهو الأصح عند الخراسانيين وقد سبق إيضاحه في باب إزالة النجاسة Maksudnya: "Jika tercabut sebatang gigi lalu dikembalikan (dicantum semula) pada tempat asalnya, maka menurut ulama-ulama kami daripada kalangan ahli Iraq bahawa hukumnya tidak boleh kerana ia dikira sebagai najis. Ini berdasarkan riwayat mereka (ahli Iraq) mengenai pandangan mazhab bahawa anggota manusia yang terpisah (tercabut) ketika masih hidup hukumnya adalah najis dan ia termaktub dalam kitab "al-Umm". Akan tetapi menurut al-mazhab (pendapat yang muktamad) ia adalah suci dan pendapat ini adalah yang paling sahih di sisi ulama (mazhab Shafi'i) daripada kalangan Khurasaniyyun. Perkara ini telah dijelaskan dalam bab membersihkan najis"
---	--

Dalam rajah di atas, pandangan Imam al-Shafi'i berbeza dengan pendapat muktamad dalam mazhab Shafi'i seperti ditegaskan oleh al-Nawawi bahawa anggota badan manusia yang terpisah atau terputus ketika hidup maka hukumnya suci bukan najis. Begitu juga mayat manusia tidak dikategorikan sebagai najis seperti bangkai. Jelas di sini, pandangan dalam kitab *al-Umm* itu bukan pendapat yang muktamad (kuat).

Terdapat banyak fatwa imam al-Shafi'i di Mesir telah diubah oleh beliau sendiri tetapi tidak sempat dirombak dalam *al-Umm*. Akan tetapi para murid kanan beliau mencatatkan riwayat fatwa-fatwa terbaru yang kemudiannya ditambah atau ditulis oleh al-Rabi' bin Sulaiman dalam *al-Umm*. Hakikat ini jelas kelihatan dalam Rajah 2 di bawah.

Rajah 2: Hukum Air Tidak Mencukupi untuk Wuduk

Sumber Fatwa	Pernyataan Status
Al-Shafi'i (1990) dalam <i>al-Umm</i>	قال الشافعي: وإذا وجد الرجل المسافر ماء لا يطهر أعضائه كلها لم يكن عليه أن يغسل منها شيئاً. Maksudnya: Al-Shafi'i berkata, "Apabila seorang lelaki yang bermusafir menemui air, maka dia tidak perlu menyucikan semua anggota-anggota (wuduk)nya dan dia tidak perlu membasuh sedikit pun atau apa-apa daripadanya (anggota-anggota)".
Al-Rabi' (al-Shafi'i, 1990)	قال الربيع: وله قول آخر أنه يغسل بما معه من الماء بعض أعضاء الوضوء ويتيمم بعد ذلك. Maksudnya: Al-Rabi' berkata, "Terdapat pendapat beliau (Imam al-Shafi'i) yang lain iaitu si musafir itu mesti membasuh sebahagian anggota-anggota wuduk dengan air yang ada padanya dan bertayammum selepas itu (baki anggota yang tidak dikenakan air wuduk)".

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa fatwa awal imam al-Shafi'i menyatakan seseorang yang hendak mengerjakan solat dan mendapati air yang ada padanya hanya cukup untuk menyucikan sebahagian anggota-anggota wuduk, maka tidak perlu digunakan air itu untuk berwuduk sama sekali dengan hanya bertayammum. Kemudian imam al-Shafi'i telah merubah fatwa tersebut bahawa seseorang itu wajib berwuduk

dengan kadar air yang ada padanya walaupun untuk sebahagian anggota wuduk dan bertayammum bagi baki anggota yang tidak dapat disucikan dengan air.

FASA KEDUA: PERIWAYATAN MAZHAB

Fasa ini bermula selepas kewafatan imam Shafi'i yang telah meninggalkan khazanah ilmu yang tinggi dan melimpah ruah. Semua pengajaran imam al-Shafi'i yang meliputi fatwa dan hasil ijtihad telah diwarisi oleh anak-anak murid beliau seperti al-Buwayti (M: 231H), al-Muzani (M: 264H) dan al-Rabi' al-Muradi (M: 270H) melalui penulisan dan periwayatan (Ali, 1978).

Peranan para murid imam Shafi'i bukan hanya meriwayatkan *qawl-qawl* dan kitab-kitab guru mereka malah membantu perkembangan mazhab Shafi'i dengan ijtihad-ijtihad melalui usul (prinsip-prinsip asas) dan kaedah istinbat hukum yang dirumuskan oleh imam Shafi'i (Ali, 1978). Melalui mereka ini, mazhab Shafi'i tersebar melalui para penuntut yang datang dari seluruh pelusuk dunia, seperti Abu al-Qasim Uthman bin Sa'id al-Anmati. Abu al-Qasim telah meriwayatkan mazhab Shafi'i melalui gurunya iaitu al-Rabi' dan al-Muzani (Ali, 1978). Manakala ulama yang bertanggungjawab menyebarkan mazhab Shafi'i di Naysabur iaitu seorang murid al-Muzani bernama Abu Bakar bin Ishak, merupakan ulama yang meriwayatkan mazhab Shafi'i daripada gurunya (Maghribiyyah, 2015).

Proses periwayatan mazhab pada fasa kedua ini berterusan sehingga kemunculan dua aliran Shafi'iyyah terbesar iaitu aliran Iraq (*Iraqiyyun*) dan Khurasan (*Khurasaniyyun*). Kedua-dua aliran tersebut memainkan peranan utama dalam memperkukuhkan mazhab Shafi'i dengan mengeluarkan pelbagai penyelesaian permasalahan-permasalahan fiqah dan istinbat hukum berdasarkan usul dan kaedah ijtihad Imam al-Shafi'i (Maghribiyyah, 2015).

Namun fasa periwayatan ini turut memperlihatkan wujudnya perbezaan riwayat fatwa imam Shafi'i dalam kalangan murid-murid beliau. Sememangnya wujud percanggahan fakta yang melibatkan *qawl-qawl* imam Shafi'i yang diriwayatkan oleh murid-murid beliau di Mesir. Contohnya fatwa imam al-Shafi'i mengenai hukum berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung (*istinshaq*), terdapat perbezaan riwayat antara al-Buwayti dan al-Muzani seperti dalam Rajah 3 berikut.

Rajah 3: Hukum Berkumur dan *Istinshaq*

Sumber Fatwa	Pernyataan Status
Al-Shafi'i (1990)	وأحب إلي أن يبدأ المتوضئ بعد غسل يديه أن يتمضمض ويستنشق ثلاثاً يأخذ بكفه غرفة لفه وأنفه. Maksudnya: "Aku lebih suka seseorang yang berwuduk memulakan wuduk selepas membasuh kedua-dua tangannya dengan berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung sebanyak 3 kali iaitu mengambil air dengan satu tapak tangannya untuk mulutnya dan hidungnya".
Al-Buwayti (2015) Ditarjih oleh al-Rafi'i (1997)	قال الشافعي: من تمضمض واستنشق في غرفة واحدة أجزأه ذلك، وتفریقهما أحب إلي. Maksudnya: "Sesiapa yang berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung dengan satu cedokan maka sah hukumnya, namun mengasingkan kedua-duanya lebih aku sukai".
Al-Muzani (1990) Ditarjih oleh al-Nawawi (2005)	Mencatatkan fakta yang sama dengan kenyataan dalam <i>al-Umm</i>

Jelas dalam Rajah 3 menunjukkan terdapat pertentangan riwayat antara kitab *al-Umm* dan *Mukhtasar* al-Buwayti. Para fuqaha pentahkik mazhab memainkan peranan

dalam mentarjihkan antara kedua-dua riwayat. *Qawl* dalam *Mukhtasar* al-Buwayti ditarjihkan oleh al-Rafi'i (1997), manakala *Qawl* yang disebut dalam kitab *al-Umm* dan *Mukhtasar* al-Muzani ditarjihkan oleh al-Nawawi (2005). Justeru pendapat yang muktamad di sisi Shafi'iyah terkemudian adalah seperti yang ditarjihkan oleh al-Nawawi kerana kekuatan dalilnya disokong hadis yang sahih.

Para ulama mazhab Shafi'i pada kurun keempat dan kelima Hijrah berpegang kepada *qawl-qawl* imam al-Shafi'i yang diriwayatkan oleh murid-murid beliau di Mesir iaitu al-Muzani, al-Buwayti dan al-Rabi' bin Sulayman al-Muradi yang mana kesahan laporan mereka bertiga lebih diutamakan berbanding murid-murid lain seperti Harmalah bin Yahya (243H), al-Rabi' al-Jiziy (256 H), al-Humaydi (219H), Ibn Abd al-Hakam (204H), Yunus bin Abd al-A'la (264H) dan Muhammad Ibn Abd al-Hakam (268H) jika terdapat perbezaan riwayat-riwayat yang lain dengan riwayat mereka bertiga (Jughaym, 2007).

Aliran Shafi'iyah di Iraq (*Iraqiyyun*) dan Khurasan (*Khurasaniyyun*)

Fasa ini turut termasuk dalam kategori periwayatan mazhab yang terjadi semenjak para pengikut kepada murid-murid imam al-Shafi'i bertebaran di seluruh dunia Islam pada waktu itu. Hasil daripada periwayatan yang pesat telah mencetuskan kelahiran dua madrasah mazhab Shafi'i yang terkenal iaitu *Iraqiyyun* dan *Khurasaniyyun* dalam memperkembangkan mazhab ini melalui kaedah-kaedah ilmiah yang terperinci (Maghribiyyah, 2015).

Menurut Abdul Basir al-Malibari, kedua-dua madrasah ini memainkan peranan penting dalam berinteraksi dengan *qawl-qawl* imam al-Shafi'i dan jua pandangan-pandangan murid-murid beliau yang berkaitan dengan permasalahan fiqah (Al-Thaqafi, 2014). Kelebihan yang terdapat pada kedua-duanya ialah penggunaan metodologi (*tariq*) pentarjihan *qawl-qawl* imam al-Shafi'i dan penyaringan sebarang riwayat yang dinisbahkan kepada beliau berpandukan kaedah penyelarasan pandangan para fuqaha Shafi'iyah *mutaqaddimin* (Al-Thaqafi, 2014).

Menjelaskan kelebihan setiap aliran tersebut dalam meriwayatkan pandangan-pandangan mazhab, al-Nawawi (t.th) memberikan penjelasan mengenai metod aliran *Iraqiyyun*:

واعلم أن نقل أصحابنا العراقيين لنصوص الشافعي وقواعد مذهبه ووجوه متقدمي أصحابنا أثقن وأثبت من نقل الخراسانيين غالبا

Maksudnya, "Ketahuilah, sesungguhnya periwayatan para ulama *Iraqiyyun* terhadap nas-nas (*Qawl-Qawl*) al-Shafi'i, kaedah-kaedah usul mazhab beliau dan pandangan-pandangan (*wujuh*) *mutaqaddimin* dalam kalangan ulama ashab al-wujuh kebiasaannya lebih sabit (*kukuh*) daripada periwayatan ulama *Khurasaniyyun*".

Antara ulama Shafi'iyah aliran *Iraqiyyun* terkenal ialah Abu Hamid al-Isfarayini (406H), al-Qadi Abu al-Tayyib al-Tabari (450H), al-Qadi Abu Ali al-Bandaniji (425H), Abu al-Hasan Ahmad al-Mahamili (415H) dan Abu al-Fath Sulaym al-Razi (447H) (Ali, 1978).

Mengenai metod Aliran *Khurasaniyyun* pula, ia diungkapkan oleh imam al-Nawawi tentang kelebihan mereka terhadap perkembangan mazhab dalam mukadimah kitab *al-Majmu'*:

والخراسانيون أحسن تصرفا وبحثا وتفريعا وترتبا غالبا

Maksudnya, "Manakala ulama *Khurasaniyyun* kebiasaannya lebih baik pada sudut pengendalian (penulisan), perbahasan, percambahan dan penyusunan" (Al-Nawawi, t.th).

Tajuddin al-Subki dalam *al-Tabaqat al-Kubra* menjelaskan kelebihan aliran *Khurasaniyyun* ialah kekuatan metod mereka dalam pengkajian fatwa mazhab, kejelasan saringan (*tahzib*) dan lebih banyak pentahkikan (*tahqiq*) (Al-Thaqafi, 2014). Antara fuqaha Shafi'iyah dari *Khurasaniyyun* ialah Al-Qaffal al-Saghir Abdullah al-Marwazi

(417H), Abu Muhammad Abdullah bin Yusuf al-Juwayni (438H), Abu al-Qasim Abd al-Rahman al-Qawraniy (461H) dan Abu Aliy al-Husayn al-Sinjiy (427H) (Ali, 1978).

Perbezaan metod antara kedua-dua madrasah dalam periwayatan (*turuq*) mazhab ini boleh dirujuk dalam rajah 3.1.4, di mana dalam penentuan pendapat muftamad, aliran Iraqiyyun berpegang kepada nas imam al-Shafi'i dalam *al-Umm*, manakala aliran *Khurasaniyyun* berpegang kepada kaedah takhrij² *qawl* imam al-Shafi'i dalam masalah tersebut. Dalam hal ini al-Nawawi dan al-Rafi'i telah sepakat bahawa pandangan yang muftamad adalah metod (*tariq*) *Khurasaniyyun* terhadap isu mayat manusia atau anggota manusia yang terpisah tidak dikategorikan sebagai najis (Al-Rafi'i, 1997; al-Nawawi, t.th).

Antara contoh lain yang melibatkan khilaf antara kedua-dua madrasah ini dalam menentukan pandangan muftamad adalah hukum solat sunat di atas kenderaan, adakah wajib memberi salam dalam menghadap kiblat atau tidak wajib? Menurut ahli *Khurasan* wajib menghadap kiblat kerana kedudukannya sama seperti takbiratul ihram, manakala ahli *Iraq* berpendapat tidak wajib kerana ia adalah rukun yang menunjukkan seseorang itu keluar daripada solat dan ia lebih ringan berbanding perbuatan (rukun *fi'li*) di tengah-tengah solat (Maghribiyyah, 2015).

Selain khilaf antara kedua-dua aliran ini, terdapat juga khilaf dalam kalangan ulama sesebuah aliran itu sendiri. Contohnya dalam kalangan ulama *Iraqiyyun*, mereka berbeza pandangan dalam masalah qada' solat fardu, adakah wajib dilaksanakan dengan segera atau sebaliknya (Maghribiyyah, 2015).

Kewujudan aliran *Iraqiyyun* dan *Khurasaniyyun* secara tidak langsung melahirkan sebuah lagi aliran dalam kalangan ulama mazhab Shafi'i yang menggabungkan kedua-dua metod sebelumnya dalam periwayatan mazhab, pemilihan pendapat yang muftamad dan percambahan masalah fiqh. Aliran ketiga ini terdiri daripada beberapa fuqaha *Iraqiyyun* seperti Abu Bakar al-Shashi (50 Hh) dan Ibn al-Sabbagh (477H) dan daripada *Khurasaniyyun* seperti Imam al-Haramayn al-Juwayni (478H) dan Muhammad al-Ghazali (505H) (Ali, 1978).

FASA KETIGA: SUNTINGAN MAZHAB

Fasa ini merupakan rentetan daripada kemunculan aliran ketiga yang menggabungkan antara aliran *Iraqiyyun* dan *Khurasaniyyun*. Ia tidak hanya menggabungkan metod kedua-dua aliran seperti yang dilakukan oleh Imam al-Haramayn dan al-Ghazali, malah turut berperanan dalam melakukan penyemakan, penapisan dan pentarjihan riwayat fatwa mazhab yang terdiri daripada *qawl-qawl* imam al-Shafi'i atau pandangan-pandangan para ulama Shafi'iyah terawal (Ali, 1978). Fuqaha Shafi'iyah yang terkehadapan dalam menggalas peranan ini ialah Abd al-Karim bin Muhammad al-Rafi'i (624 H) dan Yahya bin Sharf al-Nawawi (676 H) (Al-Qawasimi, 2013).

Kedua-dua tokoh yang digelar sebagai *al-Shaykhayn*³ telah membawa mazhab Shafi'i ke arah pencerahan yang lebih nyata dan jelas kedudukannya. Ini memandangkan sebelum kemunculan mereka berdua, dalam mazhab Shafi'i secara amnya telah wujud terlalu banyak pertentangan *Qawl*, perbezaan periwayatan mazhab dan khilaf furuk fiqh dalam kitab-kitab para *Ashab al-Wujuh* (Shafi'iyah kurun keempat dan kelima) serta banyak istilah-istilah yang samar dari sudut makna. Semua itu memerlukan kepada semakan, penapisan dan penyelarasan (Al-Qawasimi, 2013).

Tugasan peranan yang penting ini dinyatakan dengan jelas oleh al-Nawawi (1991) sendiri dalam kitab *Rawdah al-Talibin*:

² Mengaplikasikan qiyas pada suatu fatwa (*nas*) imam al-Shafi'i berdasarkan usul dan kaedah mazhabnya bagi menyelesaikan satu permasalahan fiqh lain yang hampir serupa tetapi belum difatwakan oleh beliau (Maghribiyyah, 2015).

³ Perkataan '*Shaykhan*' bermaksud dua orang sheikh atau ulama besar. Gelaran *Shaykhan* ini juga diberi Ibn Hajar al-Haytami dan Shams al-Din al-Ramli selepas itu.

وكانت مصنفات أصحابنا رحمهم الله في نهاية من الكثرة فصارت منتشرات، مع ما هي عليه من الاختلاف في الاختيارات، فصار لا يحقق المذهب من أجل ذلك إلا أفراد من الموقنين الغواصين المطلعين أصحاب الهمم العاليات، فوق الله سبحانه وتعالى -وله الحمد- من متأخري أصحابنا من جمع هذه الطرق المختلفة، ونقح المذهب أحسن تنقيح، وجمع منتشره بعبارات وجيزات، وحوى جميع ما وقع له من الكتب المشهورات، وهو الإمام الجليل المبرز المتضلع من علم المذهب أبو القاسم الرافعي ذو التحقيقات، فأتى في كتابه (شرح الوجيز) بما لا كبير مزيد عليه من الاستيعاب مع الإيجاز والإتقان وإيضاح العبارات.

Maksudnya: "Karangan-karangan para ulama kami terlalu banyak bilangannya sehingga bertebaran secara meluas yang mana mengandungi perbezaan dalam pemilihan-pemilihan (pendapat), maka mazhab ini tidak disemak (tahqiq) melainkan melalui beberapa individu yang diberi taufiq, yang menyelami, menyelidik dan mempunyai kesungguhan yang tinggi. Allah SWT telah memberi taufiq, Alhamdulillah kepada golongan mutakhir ulama kami untuk menghimpunkan jalan-jalan (turuq) periwayatan mazhab yang berbeza-beza, menapis (tanqih) mazhab dengan sebaik-baik tapisan, menghimpunkan yang bertebaran dengan (memperkenalkan) istilah-istilah yang ringkas dan memasukkan apa yang ada dari kitab-kitab yang masyhur, dia yang dimaksudkan ialah Imam yang agung, yang menyerlah sebagai tulang belakang ilmu mazhab, Abu al-Qasim al-Rafi'i, seorang yang banyak melakukan tahqiq. Beliau telah membawa dalam karangannya (Syarh al-Wajiz) dengan penguasaan yang luas dengan olahan yang ringkas, teliti dan pencerahan istilah-istilah" (Al-Nawawi, 1991).

Penjelasan al-Nawawi di atas tentang usaha al-Rafi'i dalam menyunting mazhab Shafi'i sebagai satu usaha yang terpuji dan amat dihargai. Rentetan itu, al-Nawawi memperkembangkan lagi usaha ini dengan lebih terperinci dan sistematik. Kedudukan kedua-dua tokoh amat besar ini di sisi Shafi'iyah mutakhir sehingga kedua-duanya dianggap sebagai pengasas kedua mazhab Shafi'i (Ali, 1978).

Kegigihan dan ketekunan kedua-dua mereka dalam pengukuhan mazhab Shafi'i mendapat pengiktirafan Shafi'iyah mutakhir dengan menegaskan bahawa kitab-kitab Shafi'iyah terdahulu sebelum al-Rafi'i dan al-Nawawi tidak boleh dijadikan sebagai rujukan dan sandaran fatwa melainkan selepas melalui proses suntungan dan penyelidikan sehingga diyakini sesuatu pendapat itu adalah pendapat yang rajih dalam mazhab Shafi'i (Al-Saqqaf, 2004). Ini kerana kitab-kitab *Ashab al-Wujuh* mengandungi *qawl-qawl* imam al-Shafi'i yang lemah dan *shazz*, fatwa-fatwa Shafi'iyah terdahulu yang tidak kuat atau lemah, malah ada yang terkeluar daripada prinsip dan kaedah ijihad mazhab Shafi'i.

Dengan demikian, pendapat muktamad yang berautoriti ialah pentarjihan yang disepakati oleh al-Rafi'i dan al-Nawawi. Jika berlaku khilaf antara kedua-duanya, maka pentarjihan al-Nawawi akan diutamakan sebagai yang muktamad (Al-Saqqaf, 2004). Jika sesuatu masalah tidak ditarjih oleh kedua-dua tokoh berkenaan maka rujukan perlu kembali kepada pandangan Shafi'iyah mutakhir yang mempunyai keahlian untuk mentarjih antara pendapat-pendapat yang ditemui (Al-Saqqaf, 2004).

Pentarjihan yang dilakukan oleh al-Rafi'i dan al-Nawawi terlalu banyak. Di sini terdapat satu contoh usaha pentarjihan yang dilakukan oleh al-Nawawi dalam kitab *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*:

ويجوز للجنب والحائض والنفساء في معناه أن تقول عند المصيبة (إنا لله وإنا إليه راجعون) إذا لم تقصد القرآن: قال أصحابنا الخراسانيون ويجوز عند ركوب الدابة أن يقول (سبحان الذي سخر لنا هذا وما كنا له

مقرنين) لا بقصد القرآن ومن صرح به الفوراني والبغوي والرافعي وآخرون وأشار العراقيون إلى منعه والمختار الصحيح الأول

Maksudnya: “Harus bagi orang yang berjunub, haid dan nifas menyebut ketika musibah menyebut “inna lillah wa inna ilayhi raji’un” (al-Baqarah: 156) jika tidak bermaksud al-Quran. Menurut ulama *Khurasaniyyun* kami, harus membaca ketika menaiki tunggangan “subhanalladhi sakhkhara lana hadha wa ma kunna lahu muqrinin” (al-Zukhruf: 13) jika tidak bertujuan (membaca) al-Quran, antara yang menjelaskan secara terang tentang keharusannya ialah al-Fawzani, al-Baghawi, al-Rafi’i dan selain mereka. Para ulama *Iraqiyyun* kami pula memberi isyarat tentang larangannya (haram membaca secara mutlak) dan pendapat yang terpilih dan sahih ialah pendapat yang pertama (*Khurasaniyyun*)” (Al-Nawawi, t.th).

Namun menurut pendapat yang muktamad adalah pandangan yang dipegang oleh ulama Shafi’iyyah *Khurasaniyyun*. Manakala pentarjihan yang terjadi khilaf antara imam al-Rafi’i dan al-Nawawi, dapat dikesan dengan mudah dalam kitab *Kifayah al-Akhyar Fi Hall Ghayah al-Ikhtisar*. Pengarang kitab tersebut, Abu Bakr al-Hisni (M: 829H) banyak melampirkan isu-isu fiqah yang diperselisihkan antara imam al-Rafi’i dan imam al-Nawawi. Sebagai contoh, hukum memakan kulit binatang yang disamak (*dibagh*). Menurut al-Rafi’i, kulit bangkai yang telah disamak halal dimakan manakala menurut Imam al-Nawawi adalah haram (al-Hisni, 1994).

Kesimpulannya, fasa ketiga ini merupakan titik permulaan pada kestabilan mazhab Shafi’i dalam konteks penyuntingan, penyaringan, pemilihan *qawl* atau fatwa dan penyelarasan kandungan termasuklah istilah-istilah ilmiah yang digunakan secara meluas dalam satu piawaian yang ditetapkan. Keadaan ini menjadikan mazhab Shafi’i bergerak lebih ke hadapan dengan lebih teratur dan sistematik.

FASA KEEMPAT: KESTABILAN MAZHAB

Pandangan-pandangan al-Rafi’i dan al-Nawawi terus menjadi pegangan para fuqaha Shafi’iyyah selepas zaman mereka berdua sebagai panduan menentukan pendapat muktamad, sehingga muncul pula golongan ulama yang dianggap sebagai para pentahkik (*muhaqqiqun*) dalam mazhab seperti Sheikh al-Islam Zakariyya al-Ansari (M: 926H), al-Khatib al-Shirbini (977H), Shihab al-Din al-Ramli al-Kabir (957H), Shams al-Din al-Ramli al-Saghir (1004H), Ibn Hajar al-Haytami (973H) dan ramai lagi (Ali, 1978).

Fuqaha Shafi’iyyah dalam fasa ini berperanan memperkukuhkan fatwa-fatwa dalam kitab-kitab karangan al-Rafi’i dan al-Nawawi dengan menjelaskan fakta-fakta dalamnya dengan lebih jelas dan terperinci, di samping mencambahkan (*tafri’*) lagi isu-isu fiqah serta mengutarakan penyelesaian yang belum pernah dikemukakan oleh kedua-dua tokoh tersebut (Ali, 1978).

Antara ulama Shafi’iyyah yang paling menyerlah ialah Ibn Hajar al-Haytami dan Sham al-Din al-Ramli atau turut dikenali sebagai gelaran *Shaykhan*. Menurut al-Qawasimi (2013), peranan *Shaykhan* dalam khidmat mazhab boleh dikatakan sebagai pencetus rombakan mazhab fasa kedua (*al-tanqih al-thani li al-madhhab*), seperti yang sedia maklum bahawa proses rombakan fasa pertama telah diusahakan oleh al-Rafi’i dan Imam al-Nawawi.

Perlu ditegaskan bahawa terdapat perbezaan ketara antara kedua-dua fasa ini iaitu antara al-Rafi’i dan al-Nawawi dengan Ibn Hajar dan al-Ramli yang boleh dijelaskan dalam fakta-fakta seperti yang berikut (al-Qawasimi, 2013):

- i. Proses rombakan mazhab Shafi’i yang dicetus oleh al-Rafi’i dan al-Nawawi adalah berbeza antara Ibn Hajar dan al-Ramli. Al-Ramli yang terkemudian daripada Ibn Hajar tidak menyambung usaha yang dilakukan oleh Ibn Hajar, malah kedua-dua mereka melakukan usaha *tanqih* (rombakan) dengan metod tersendiri. Ini dapat dibuktikan bahawa al-Ramli tidak pernah berperanan mensyarahkan atau

meringkaskan kitab-kitab karangan Ibn Hajar sepertimana al-Nawawi telah meringkaskan beberapa karangan al-Rafi'i dan membuat rombakan terhadap pandangan-pandangan yang dipilih oleh pendahulunya.

- ii. Kedua-dua *Shaykhan* pertama membuat rombakan hasil penyelidikan dan kajian mereka terhadap kitab-kitab fiqh yang dikarang dalam tempoh empat kurun selepas kewafatan imam al-Shafi'i dan jumlah kitab dalam tempoh tersebut terlalu banyak. Manakala rombakan pada zaman *Shaykhan* kedua pula hanya ke atas kitab-kitab fiqh Shafi'iyah yang berlegar pada kurun ke 8 dan ke 9 Hijrah, khususnya kitab-kitab yang dikarang oleh mereka berdua dan Shafi'iyah selepas itu.
- iii. Sumbangan Ibn Hajar dan al-Ramli adalah berpaksikan hasil usaha kedua-dua al-Rafi'i dan al-Nawawi. Ini dapat dilihat melalui kitab *Tuhfah al-Muhtaj Bi Sharh al-Minhaj* oleh Ibn Hajar dan *Nihayah al-Muhtaj Bi Sharh al-Minhaj* oleh al-Ramli adalah hasil syarahan atau penjelasan daripada teks (matan) *Minhaj al-Talibin* (karya al-Nawawi) dan kitab *Minhaj* ini adalah hasil ringkasan dari kitab *al-Muharrar* sebuah karya al-Rafi'i. Manakala al-Rafi'i dan al-Nawawi pula tidak hanya berpaksi kepada seorang atau dua ulama mazhab Shafi'i seperti *Ibn Hajar* dan *al-Ramli* malah melibatkan puluhan bahkan ratusan para fuqaha Shafi'iyah dan karya-karya fiqh mereka.

Kedudukan *Shaykhan* Di Sisi Shafi'iyah Mutakhir

Kedudukan Ibn Hajar al-Haytami dan al-Ramli dalam mazhab Shafi'i dapat dilihat bahawa pendapat mereka menjadi pegangan fuqaha Shafi'iyah terkemudian sehinggakan terdapat pandangan tidak mengharuskan untuk berfatwa dengan pendapat yang bertentangan dengan fatwa mereka berdua terutama fatwa dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj* dan *Nihayah al-Muhtaj* (Ali, 1978).

Walau bagaimanapun, usaha *Shaykhan* dalam melunaskan sumbangan terhadap mazhab tidak dapat lari daripada khilaf antara kedua-duanya terutama cara penyelesaian masalah-masalah fiqh baharu yang belum dicetuskan oleh Shafi'iyah terdahulu. Justeru, pendapat muktamad mazhab Shafi'i pada fasa ini ialah fatwa yang disepakati oleh mereka berdua. Jika berlaku khilaf, maka pentarjihan dilaksanakan mengikut kebiasaan geografi dan tempat tertentu (Al-Saqqaf, 2004):

- i. Kebanyakan ulama di Mesir memilih pendapat atau fatwa Shams al-Din al-Ramli dan karya utama beliau yang menjadi sumber rujukan ialah *Nihayah al-Muhtaj*.
- ii. Manakala para ulama di Hadramaut, kebanyakan tempat di Yaman, Syam, Kurdi, Dagestan dan Tanah Hijaz berpegang kepada pendapat atau fatwa Ibn Hajar al-Haytami. Manakala kitab paling utama dijadikan rujukan ialah *Tuhfah al-Muhtaj*.

Antara sebab karya-karya *Shaykhan* lebih diutamakan sebagai rujukan utama pandangan muktamad dalam berbanding *muhaqqiq* dan *shurrah* (para pensyarah) yang lain kerana penguasaan mereka terhadap mazhab serta perbahasan furuk fiqh yang luas dan menyeluruh (al-Saqqaf, 2004). Al-Kurdi (2011) menyatakan bahawa meskipun wujud khilaf antara *Shaykhan* dalam banyak permasalahan fiqh, namun kedua-dua pendapat merupakan muktamad dalam mazhab. Turut dicatatkan penegasan Sheikh al-Sayyid Umar al-Basri, jika berlaku khilaf antara *Shaykhan* maka seseorang itu boleh memilih mana-mana pendapat antara mereka berdua.

Pemilihan Pendapat Selain *Shaykhan*

Menjawab persoalan di atas, al-Bakri al-Dimyati (1991) dalam mukadimah kitab *I'nanah al-Talibin* menjelaskan hierarki rujukan fuqaha Shafi'iyah selain *Shaykhan* yang boleh dijadikan rujukan, iaitu jika sesuatu permasalahan itu tidak didapati dalam kitab-kitab *Shaykhan* maka boleh merujuk kepada kitab-kitab *muhaqqiq* mazhab yang lain seperti (Al-Bakri, 1991):

- i. Karya-karya Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari seperti *al-Bahjah al-Saghir*, *Manhaj al-Tullab* serta syarahnya. Namun kitab-kitab tersebut mengandungi pendapat-pendapat yang lemah.
- ii. Karya-karya Sheikh al-Khatib al-Shirbini iaitu *Mughni al-Muhtaj* dan *al-Iqna'*.
- iii. Karya-karya para pengarang Hashiyah (*ashab al-hawashi*) dengan syarat fatwa-fatwa dalamnya tidak bercanggah dengan pandangan-pandangan dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj* dan *Tuhfah al-Muhtaj*. Begitu juga boleh memilih mana-mana pandangan *Shaykhan* yang ditarjihkan oleh *Ashab al-Hawashi*.

Sementara karya-karya *Ashab al-Hawashi* yang layak dijadikan rujukan muktamad adalah mengikut susunan seperti yang berikut (al-Kurdiy, 2011 ; al-Saqqaf, 2004):

- i. Sheikh Nur al-Din Ali bin Yahya al-Zayyadi (102H), iaitu *Hashiyah al-Zayyadi Ala Sharh al-Manhaj* dan *Sharh Ala al-Muharrar*.
- ii. Sheikh Abu al-Abbas Ahmad bin Qasim al-Abbadiy al-Misri al-Azhari (994H) iaitu *Hashiyah Ibn Qasim Ala Sharh al-Manhaj* dan *Hashiyah Ala al-Tuhfah*.
- iii. Sheikh Shihab al-Din Ahmad al-Burullisiy (957H), iaitu *Hashiyah 'Amirah Ala Kanz al-Raghibin* dan *Hashiyah Ala Tuhfah al-Muhtaj*.
- iv. Sheikh Abu al-Diya' Ali bin Ali al-Shabramallisiy (1087H), iaitu *Hashiyah al-Shabramallisiy Ala Nihayah al-Muhtaj*.
- v. Sheikh Abu al-Farj Nur al-Din Ali bin Ibrahim al-Qahiri (1044H) iaitu *Hashiyah al-Halabi Ala Sharh al-Manhaj (Fath al-Wahhab Li Shaykh al-Islam)* dan *Hashiyah Ala Manhaj al-Tullab*.
- vi. Sheikh Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Misri (1069H) iaitu *Hashiyah al-Shawbari Ala Sharh al-Manhaj*.
- vii. Sheikh Muhammad bin Dawud bin Sulayman al-Misri (1098H), iaitu *Hashiyah Ala Umdah al-Rabih Fi Ma'rifah al-Tariq al-Wadih (Hashiyah terhadap karya al-Ramli)*.

Menurut Alawi al-Saqqaf (2004), para fuqaha daripada *Ashab al-Hawashi* merupakan sekumpulan tokoh (*imam*) dalam mazhab Shafi'i yang turut menyumbang kepada perkembangan mazhab Shafi'i daripada sudut keilmuan dan perbahasan fatwa. Oleh itu, beramal, berfatwa dan membuat keputusan mahkamah (*qada'*) dengan mana-mana pendapat atau fatwa daripada kalangan mereka adalah diharuskan.

Berpandukan pandangan al-Saqqaf juga, sebarang pemilihan pendapat dalam kalangan *Ashab al-Hawashi* diharuskan tanpa perlu mengikuti hierarki pentarjihan yang telah ditetapkan oleh al-Kurdi kerana situasi pada zaman ini ternyata menyebabkan kesukaran (terutamanya golongan awam) untuk membezakan fatwa mengikut peringkat dan urutan keutamaannya (al-Saqqaf, 2004).

KESIMPULAN

Daripada hasil perbincangan ini beberapa perkara penting dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Pembentukan pendapat muktamad dalam mazhab Shafi'i melalui beberapa peringkat, bermula daripada perletakan batu asas yang telah diasaskan imam Muhammad bin Idris al-Shafi'i yang merupakan seorang mujtahid mutlak di zaman salaf seperti pengasas-pengasas mazhab yang lain.
- ii. Fasa perletakan batu asas merupakan proses amat penting dalam sejarah pembentukan sesuatu mazhab termasuk mazhab Shafi'i. Melalui fasa ini terasasnya usul dan kaedah istinbat hukum hakam melalui sumber-sumber rujukan perdana di dalam kesarjanaan Islam iaitu al-Quran dan sunah. Usul dan kaedah ini yang membezakan identiti setiap mazhab yang wujud dalam dunia keilmuan Islam.
- iii. Fasa periwayatan fatwa-fatwa atau Qawl-Qawl pengasas mazhab dan usul mazhabnya juga telah melalui proses perjalanan yang melibatkan murid-murid dan sahabat-sahabat Imam al-Shafi'i menyebarkan mazhabnya. Selain itu para murid pula mengistinbat hukum hakam dengan berpandukan usul atau batu asas yang

- diletakkan oleh guru mereka. Oleh kerana itu kelompok murid-murid Imam al-Shafi'i juga dikenali sebagai para mujtahid mazhab.
- iv. Setelah penyebaran riwayat dan *qawl* imam al-Shafi'i di serata tempat, muncul dua aliran iaitu *Iraqiyyun* dan *Khurasaniyyun* yang membawa peranan meriwayatkan mazhab dan mengembangkannya melalui istinbat furuk yang baharu dengan panduan usul (batu asas) mazhab Shafi'i. Perbezaan metodologi setiap aliran dalam periwayatan mazhab dan istinbat hukum menjadi lambang dan identiti tersendiri bagi setiap satu kelompok.
 - v. Kemunculan satu lagi aliran baharu, hasil daripada didikan aliran *Iraqiyyun* dan *Khurasaniyyun* yang berperanan menghimpunkan antara kedua-dua metod untuk meleraikan ikhtilaf permasalahan fiqah sebelum ini. Dengan kemunculan aliran ketiga ini, muncul dua tokoh *muhaqqiq* mazhab iaitu al-Rafi'i dan al-Nawawi yang meneruskan legasi Shafi'iyah *mutaqaddimin*, yang menumpukan perhatian terhadap proses penyaringan dan penyelarasan antara pendapat-pendapat dalam mazhab Shafi'i sama ada *qawl* imam mahupun fatwa *Ashab al-Wujuh*.
 - vi. Perkembangan mazhab Shafi'i berkesinambungan melalui proses penyaringan dan rombakan yang kedua melalui usaha *Shaykhan* Ibn Hajar al-Haytami dan al-Ramli serta beberapa tokoh lain. Namun proses ini hanya berpandukan perbahasan yang telah dicetus oleh imam al-Rafi'i dan al-Nawawi serta ulama-ulama Shafi'iyah terdahulu. Malah fasa penerusan legasi pemikiran fiqah ini turut diperkembangkan melalui perbahasan permasalahan fiqah baharu yang belum dibahaskan sebelum itu.
 - vii. Sumbangan terhadap mazhab Shafi'i dipergiatkan lagi dengan kemunculan *Ashab al-Hawashi*. Peranan mereka ini dianggap penting pada zaman yang sudah jauh ketinggalan dari zaman salaf. Justeru pada zaman yang sudah semakin terhakis daripada memahami perundangan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqah silam, maka masyarakat memerlukan penjelasan fiqah yang lebih terperinci dan sistematik. Dengan usaha para *Ashab al-Hawashi*, segala kesamaran kata dan frasa yang wujud dalam kitab para muhaqqiq mazhab dijelaskan dengan lebih teratur dan mendalam. Bahkan mereka juga berperanan menemukan jalan penyelesaian permasalahan-permasalahan fiqah yang tidak pernah dicetuskan oleh fuqaha Shafi'iyah sebelum mereka.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad ibn Ahmad. 1978. *Al-Shafi'i Hayatuhu Wa 'Asruhu Wa Ara'uhu Wa Fiqahuhu*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Abd Al-Hamid, Abd al-Wahhab ibn Ahmad Khalil. 2011. *Al-Qawa'id wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah Fi Kitab al-Umm Li al-Imam al-Shafi'i Jam'an Wa Tartiban Wa Dirasatan*. Riyadh: Dar al-Tadammuriyyah.
- Ali, Muhammad Ibrahim Ahmad. 1978. *Al-Madhhab 'Inda al-Shafi'iyah*. Majalah Universiti al-Malik Abd al-'Aziz . Bil 2. Riyadh, Arab Saudi.
- Al-Bakri, Abu Bakar bin Muhammad Shato al-Dimyati. 1997. *I'ananah al-Talibin 'Ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Beirut: Cetakan Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Edisi ke 1. Dar Ibn Kathir: Dimashq.
- al-Buwayti, Abu Ya'qub Yusuf bin Yahya al-Misri. 2015. *Mukhtasar al-Buwayti*. Ali Muhy al-Din al-Qarrah Daghi (tahqiq). Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Haytami, Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar. 1983. *Tuhfah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Hisni, Abu Bakar bin Abd al-Mu'min al-Husayni. 1994. *Kifayah al-Akhyar Fi Hall Ghayah al-Ikhtisar*. Dimashq: Dar al-Khair.
- Al-Kurdi, Muhammad bin Sulayman al-Madani. 2011. *Al-Fawa'id al-Madaniyyah Fi Man Yuftha bi Qawlihi Min A'immah al-Shafi'iyah*. Beirut: Nursabah dan al-Jaafan & al-Jafi.

- Al-Mardawi, Ali bin Sulayman al-Salihi al-Hanbali. T.th. *Al-Insaf Fi Ma'rifat al-Rajih Min al-Khilaf*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Muzani, Abu Ibrahim Isma'il bin Yahya. 1990. *Mukhtasar al-Muzani* (Dicetak bersama al-Umm). Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharf. T.th. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- _____. 1991. *Rawdah al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin*. Pentahqiq: Zuhair al-Shawish. Cetakan al-Maktab al-Islami, Beirut Lubnan.
- _____. 2005. *Minhaj al-Talibin Wa Umdat al-Muftin fi al-Fiqh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Rafi'i, Abd al-Karim bin Muhammad. 1997. *Al-Sharh al-Kabir Bi Sharh al-Wajiz*. Muhammad Awad & Adil Ahmad Abdul Mawjud (Tahqiq). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Razi, Muhammad ibn Abu Bakar. 1999. *Mukhtar al-Sihah*. Yusuf al-Sheikh Muhammad (Tahqiq). Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah – Dar al-Namuzajiiyyah.
- Al-Saqqaf, 'Alawi ibn Ahmad al-Makki. 2004. *Mukhtasar al-Fawa'id al-Makkiyyah Fi Ma Yahtajuhu Talabah al-Shafi'iyah*. Beirut: Cetakan Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. 1990. *Kitab al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tamimi, I. a.-D.-K. 1990. Athar al-Madhab al-Shafi'i fi al-'Alam al-Islami wa Kharijiha. *Al-Imam al-Shafi'iy: Zikra Murur 12 Qarnan Ala Wafatihi* (pp. 506-507). Kuala Lumpur: Al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Ulum wa al-Thaqafah & IIUM
- Al-Thaqafi, Abdul Basir ibn Sulayman al-Malibari. 2014. *Dirasah Mawsu'ah Li Istilahat al-Shafi'iyah*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- Al-Tirmizi, Muhammad ibn Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir – Sunan al-Tirmidhi*. Bashshar 'Awwad (Tahqiq). Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Al-Qawasimi, Akram Yusuf. 2013. *Al-Madkhal Ila Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Zuhayli, Muhammad ibn Mustafa. 2011. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibn Durayd, Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan. 1987. *Jamharah al-Lughah*. Ramzi Munir Ba'labaki (Tahqiq). Beirut: Cetakan Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- Ibn al-Salah, Abu 'Amr 'Uthman bin Abd al-Rahman. 2002. *Adab al-Mufti wa al-Mustafti*. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. 1993. *Lisan al-'Arab*. Edisi ke 4. Beirut: Dar Sadir.
- Hamdan, Nazir. T.th. *Al-Muwatta'at*. N.pl: Dar al-Qalam & Al-Dar al-Shamiyyah.
- Jughaym, Nu'man. 2007. *Madkhal Ila al-Madhhab al-Shafi'i*. Gombak: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Maghribiyyah, Muhammad Tariq. 2015. *Al-Madhhab Al-Shafi'i Dirasat 'An Ahamm Mustalahatihi Wa Ashhar Musannafatihi Wa Maratib al-Tarjih Fihi*. Amman: Dar al-Fath.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin. 2017. *Ini Mazhabku Bagaimana Saya Beriltizam dengan Mazhab*. Sepang: Inspirasi I Media.
- Muslim, Abu al-Hasan ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. T.th *Sahih Muslim*. Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi (Tahqiq). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Nahrawi, Ahmad Nahrawi Abdul Salam al-Indonisini. 1988. *Al-Imam al-Shafi'i fi Madhhabihi al-Qadim wa al-Jadid*. Kaherah: Maktabah al-Shabab.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.